

# UTHM bantu pendidikan murid Orang Asli, luar bandar

**LEDANG 12 Mei** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) komited membantu meningkatkan kualiti pendidikan Orang Asli dan masyarakat pedalaman yang masih ketinggalan serta belum mencapai tahap memberangsangkan.

Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, **Sarebah Warman** berkata, usaha itu dilakukan menerusi beberapa program melibatkan pensyarah dan penuntut yang menyumbang kepakaran masing-masing selain memberikan pendedahan dan kesedaran.

"Sebagai contoh melalui Program Khidmat Masyarakat UTHM Care, kita bantu mereka cara-cara menjawab soalan matematik dan sains secara praktikal."

"Murid juga dapat mengasah kemahiran dan mempraktikkan teori dipelajari. Mereka juga dilatih melaksanakan tugas secara intelek-

tual dan bersedia mengatasi segala permasalahan dihadapi dengan kritis dan kreatif," katanya ditemui selepas program itu di Sekolah Kebangsaan (SK) Bekoh di sini baru-baru ini.

Program berkenaan diraismikan Ahli Parlimen Ledang, Datuk Ir. Hamim Samuri yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Menurut Sarebah, sasaran UTHM ialah sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dengan pencapaian akademik yang kurang memuaskan malah turut melibatkan kerjasama komuniti setempat supaya program itu dapat diadakan dengan berkesan.

Katanya, penganjuran program tersebut pada setiap semester bukan sahaja bertujuan meningkatkan tahap akademik malah mengubah pemikiran masyarakat Orang Asli

tentang kepentingan pendidikan. Sementara itu, Guru Besar SK Bekoh, **Kamarudin Ibrahim** berkata, pihaknya berbesar hati kerana UTHM memilih sekolah tersebut yang mempunyai 44 murid Orang Asli untuk mengadakan program berkenaan.

Katanya, sekolah itu mempunyai murid Orang Asli paling ramai di daerah ini dan pencapaian akademik mereka masih di tahap sederhana dan usaha UTHM itu dilihat dapat membantu mereka cemerlang dalam pelajaran.

"Pencapaian murid Orang Asli di SK Bekoh dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) masih sederhana. Perlu ada program khas yang memberi tumpuan kepada perkara asas kerana masyarakat Orang Asli masih kurang pendedahan pentingnya pendidikan," katanya.



**HAMIM SAMURI** (tiga kanan) menanam pokok sebagai tanda perasmian program Khidmat Masyarakat UTHM Care di Sekolah Kebangsaan Bekoh, di Ledang, baru-baru ini.